

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan TIGA [3] soalan yang lain.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Setiapa soalan hendaklah disokong oleh dalil-dalil yang sarih daripada al-Qur'an dan al-Hadith.

1. (a) Islam sebagai al-Din yang syumul telah membawa petuntuk yang benar dan membina konsep kesatuan ummah, faham-faham yang menyeru kepada kesatuan bangsa-bangsa di tolak. Bincangkan.  
(b) Al-Qur'an sebagai mu'jizat Rasul Allah s. a.w. telah berjaya mengubah tradisi hidup masyarakat jahiliyyah kepada suatu kehidupan yang harmonis dan membina peradaban yang tinggi. Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan bagaimana proses peradaban itu berlaku
2. (a) Al-Qur'an dan al-Sunnah adalah dua sumber hukum yang utama dalam perundangan Islam, hubungan antara keduanya adalah amat penting. Apakah fungsi al-Sunnah dan bagaimana proses pengumpulan dan pembukuannya berlaku.  
(b) Bincangkan faktor-faktor penting kenapakah al-Qur'an dikumpul dan dibukukan di zaman Khulafa' al-Rosyidin?
3. Ijtihad para ulama yang mu'tabar di ambil kira sebagai salah satu qa'idah di dalam menentukan sesuatu hukum. Pengamalan ijtihad berlaku sejak zaman Rasul Allah s. a.w. sehingga zaman kini. Bincangkan bagaimana proses ijtihad boleh berlaku dan jelaskan syarat-syarat bagi seorang mujtahid mutlak.

4. Pengertian ibadah di dalam Islam meliputi pelbagai aspek kegiatan yang sesuai dengan syariat, hubungan di antara ibadah khusus dengan kehidupan umat sentiasa berhubung rapat. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua perkara berikut:
  - (a) Ibadah di dalam Islam tidak akan sempurna kecuali berlakunya kesepaduan antara iman, Islam dan ihsan.
  - (b) Ibadah Solah adalah asas pembinaan syahsiah seseorang mukmin.
  
5. Aurat lelaki dan wanita Islam sering dianggap sebagai suatu fesyen. Islam telah menentukan aurat secara tegas berdasarkan ayat 30 - 31 daripada surah al-Nur dan ayat 59 daripada surah al-Ahzab. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan status aurat lelaki dan wanita Islam dari sudut-sudut berikut:
  - (a) pendapat di kalangan para ulama al-Shafi'iyah dan al-Malikiyyah.
  - (b) perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli tafsir mengenai ayat 30 dan 31 surah al-Nur.
  
6. Bincangkan perkara-perkara berikut:
  - (a) Konsep Tawhid Rububiyah dan Tawhid Uluhiyyah.
  - (b) Konsep fardu kifayah di dalam ajaran Islam.

-oooOOOooo-